



20 MAR, 2024

Rokok seludup RM7.92 juta diikrar sebagai perabot

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Rokok seludup RM7.92 juta diikrar sebagai perabot

BUTTERWORTH: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang berjaya mematahkan sindiket cubaan menyeludup rokok putih yang dianggarkan bernilai RM7.92 juta termasuk cukai di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor pada 7 Mac lalu.

Pengarahnya, Roselan Ramli berkata, rampasan itu dijalankan sepasukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri selepas menahan sebuah kontena kira-kira pukul 10.40 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas kontena tersebut menjumpai 900 kotak bersamaan dengan sembilan juta batang rokok putih yang disyaki tidak berkastam melibatkan nilai anggaran RM1.8 juta dan cukai berjumlah RM6.12 juta.

“Siasatan awal mendapati, kontena tersebut dikendalikan sebuah syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan di Pelabuhan Klang dan ia diimport oleh sebuah syarikat berstatus sendiri berhad di Selangor.

“Semakan ‘bil muatan’ pula mendapati barangan tersebut diikrarkan sebagai perabot bagi



ROSELAN Ramli (depan) menunjukkan sebahagian daripada rokok seludup yang dirampas oleh kastam dalam sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan Jermal, Butterworth, Pulau Pinang. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

mengaburi mata pihak berkuasa.

“Menerusi dokumen yang diperolehi, dagangan ini disyaki berasal dari sebuah negara di Asia Tenggara,” katanya ketika sidang media di Stor Penguatkuasaan Jermal, di sini semalam.

Tambah Roselan, rokok ter-

babit dipercayai akan dijual kepada pekerja ladang dan pekerja tapak pembinaan warga asing di negara ini.

“Bagaimanapun, siasatan lanjut masih dijalankan buat masa ini bagi mengenal pasti suspek yang terlibat dalam aktiviti ini,” ujarnya.



20 MAR, 2024

Rokok seludup RM7.92 juta diikrar sebagai perabot

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

BUTTERWORTH: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang berjaya mematahkan sindiket cubaan menyeludup rokok putih yang dianggarkan bernilai RM7.92 juta termasuk cukai di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor pada 7 Mac lalu. Pengarahnya, Roselan Ramli berkata, rampasan itu dijalankan sepasukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM negeri selepas menahan sebuah kontena kira-kira pukul 10.40 pagi.